

PINJAMAN PERIBADI/PEMBIAYAAN PERIBADI-i: KADAR NIAGA

Kemas kini terakhir pada 24 April 2026 ([English Version](#))

"Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i: Kadar Niaga" ("**Program Rebat**") Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) ("**HLB**") dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) ("**HLISB**") (secara kolektif dirujuk sebagai "**Bank**") terbuka untuk semua pelanggan HLB/HLISB yang membuat permohonan baharu untuk kemudahan pinjaman peribadi/pembiayaan peribadi-i.

TERMA & SYARAT

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai untuk Program Rebat ("**T&S**"):

KELAYAKAN

1. Program Rebat ini terbuka kepada semua individu warganegara Malaysia yang merupakan pemegang akaun Bank sedia ada dan baharu ("**Pelanggan**") yang memenuhi kriteria kelayakan yang berikut:
 - (a) berumur antara 21 – 60 tahun;
 - (b) bekerja bergaji atau bekerja sendiri dengan pendapatan minimum Ringgit Malaysia Dua Puluh Empat Ribu (RM24,000) setahun;
 - (c) tidak mempunyai sebarang baki tunggakan atas mana-mana Pinjaman Peribadi HLB dan/atau Pembiayaan Peribadi-i HLISB (secara kolektif dikenali sebagai "**Kemudahan**") sedia ada sebelum sebarang permohonan Program Rebat (terpakai untuk Pelanggan sedia ada sahaja).

2. Individu berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Program Rebat:
 - (a) Pelanggan yang memilih tawaran promosi untuk kadar keutamaan dalam kempen lain yang ditawarkan oleh pihak Bank;
 - (b) Pelanggan yang telah melakukan atau HLB mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa Pelanggan telah melakukan sebarang penipuan, perbuatan atau kesalahan di sisi undang-undang yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh pihak Bank atau Pelanggan yang telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada pihak bank atau mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk pada sebarang prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa tempoh "**Kemudahan**".
 - (c) Kakitangan tetap dan kontrak dengan pihak Bank; dan
 - (d) Pelanggan yang memegang lebih daripada satu (1) Kemudahan (seperti yang ditakrifkan dalam Jadual 1 di bawah) sedia ada dengan pihak Bank (terpakai kepada Pelanggan sedia ada sahaja).

MEKANIK PROGRAM REBAT

3. Untuk menyertai Program Rebat ini, Pelanggan dikehendaki memenuhi terma yang berikut:

- (a) Memohon untuk sekurang-kurangnya satu (1) daripada produk Kemudahan berikut dengan Tempoh Kemudahan dan Amaun Kemudahan dimohon adalah seperti yang tertera dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1

| Kemudahan | Amaun Kemudahan yang Dimohon* | | Tempoh Kemudahan |
|-----------------------------|-------------------------------|----------------|------------------|
| | Amaun Minimum | Amaun Maksimum | |
| Pinjaman Peribadi HLB | RM5,000 | RM250,000 | 2 hingga 5 tahun |
| Pembiayaan Peribadi-i HLISB | RM5,000 | RM150,000 | |

*Untuk mengelakkan sebarang keraguan, amaun Kemudahan diluluskan tidak semestinya sama dengan amaun Kemudahan yang dimohon oleh Pelanggan.

- (b) Menghantar permohonan untuk Kemudahan melalui salah satu saluran permohonan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 berikut:

Jadual 2

| Saluran Permohonan | Platform |
|--------------------------|--|
| Bersemuka ("F2F") | Cawangan Bank, Jualan Terus, Tablet Jualan dan Perkhidmatan <i>Inbranch</i> (" Luar Talian ") |
| Bukan Bersemuka ("NF2F") | Jualan melalui Telefon |

Untuk tujuan Program Rebat ini, Pelanggan yang telah memenuhi semua kriteria di Klausula 3(a) dan 3(b) di atas akan dirujuk sebagai "**Pelanggan Layak**".

Kadar Faedah/Keuntungan Rata dan Rebat Bayar-Tepat-Pada-Masa atas Jumlah Faedah/Keuntungan Kemudahan

A) Kadar Faedah/Keuntungan Rata Kemudahan

4. Permohonan Pelanggan Layak untuk Kemudahan yang telah diluluskan dan dikeluarkan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penerimaan Kemudahan, layak untuk menikmati **Kadar Faedah/Keuntungan Rata** masing-masing bergantung kepada Akaun Pengeluaran seperti yang tertera di Jadual 3 di bawah:

Jadual 3

| |
|----------------------------------|
| Saluran Permohonan: F2F dan NF2F |
|----------------------------------|

| Pengeluaran ke dalam bukan HLB/HLISB CASA/CASA-i | Pengeluaran ke dalam HLB/HLISB CASA/CASA-i |
|---|---|
| Kadar Faedah/Keuntungan Rata | |
| 10.50% setahun | 8.50% setahun |
| 20% Rebat Bayar-Tepat-Pada-Masa atas Jumlah Faedah/Keuntungan untuk Kemudahan | |

Nota: Kadar Faedah/Keuntungan efektif berbeza seperti berikut bergantung kepada tempoh pinjaman/ pembiayaan-i dari 2 hingga 5 tahun kecuali dinyatakan sebaliknya:

- (i) Kadar Faedah/Keuntungan Rata 8.50% setahun: Kadar Faedah/Keuntungan efektif berkisar dari 15.99% setahun hingga 16.71% setahun.
- (ii) Kadar Faedah/Keuntungan Rata 10.50% setahun: Kadar Faedah/Keuntungan efektif berkisar dari 19.61% setahun hingga 20.76% setahun.

Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Pelanggan Layak akan dimaklumkan oleh pihak Bank apabila permohonan mereka telah diluluskan melalui e-mel yang didaftarkan dalam sistem Bank.

B) Rebat Bayar-Tepat-Pada-Masa Atas Jumlah Faedah/Keuntungan untuk Kemudahan

5. Permohonan Pelanggan Layak untuk Kemudahan yang telah diluluskan dan dikeluarkan oleh pihak Bank dan membayar ansuran bulanan untuk Kemudahan pada/sebelum tarikh akhir setiap bulan semasa Tempoh Kemudahan ("**Pelanggan Memenuhi Syarat**") akan layak menerima 20% Rebat Bayar-Tepat-Masa di atas Jumlah Faedah/Keuntungan yang perlu dibayar ("**Rebat**") seperti mana yang tertera di Jadual 3 di atas semasa Tempoh Rebat (seperti ditakrifkan dalam Klausa 6 di bawah).
6. Rebat akan dikreditkan ke dalam akaun Kemudahan Pelanggan Memenuhi Syarat setiap bulan selepas tarikh akhir ansuran bulanan pada bulan ketiga belas (13) dan bulan berikutnya sehingga bulan keenam (6) sebelum ansuran terakhir Kemudahan ("**Tempoh Rebat**"). **Oleh itu, Tempoh Rebat akan sentiasa lapan belas (18) bulan kurang daripada Tempoh Kemudahan.** Sebagai contoh, untuk Tempoh Kemudahan dua puluh empat bulan (2 tahun), Tempoh Rebat adalah enam bulan dan untuk Tempoh Kemudahan enam puluh bulan (5 tahun), Tempoh Rebat adalah empat puluh dua (42) bulan.
7. Sebagai contoh, Pelanggan Layak yang memohon Kemudahan melalui Luar Talian, dengan Pendapatan Bulanan yang Sah sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000) dan ke atas, dan Kemudahan dikeluarkan ke dalam HLB/HLISB CASA/CASA-i mereka layak mendapat Rebat 20% berdasarkan Jumlah Kemudahan yang Diluluskan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000) dengan Tempoh Kemudahan selama lima (5) tahun diilustrasi dalam Jadual 4 dan 5 di bawah:

Jadual 4

| Amaun Kemudahan yang Diluluskan* | Tempoh Kemudahan (Tahun) | Kadar Faedah/Keuntungan (setahun) atas Amaun Kemudahan yang Diluluskan | Jumlah Faedah/Keuntungan Yang Perlu Dibayar sepanjang Tempoh Kemudahan | Ansuran Bulanan semasa Tempoh Tanpa Rebat** |
|----------------------------------|--------------------------|--|--|---|
| (a) | (b) | (c) | (d) = a x b x c | (e) = (a+d) / (b x 12) |
| RM20,000 | 5 | 8.50% setahun | RM8,500 | RM475 |

*0.50% daripada Amaun Kemudahan yang Diluluskan akan ditolak daripada Kemudahan semasa pengeluaran untuk duti setem yang perlu dibayar atas Kemudahan tersebut.


**Ansuran akan dibundarkan ke atas kepada Ringgit Malaysia Lima (RM5) terdekat.

Jadual 5

| Rebat 20% atas Jumlah Faedah/Keuntungan yang Perlu Dibayar Sepanjang Tempoh Kemudahan | Rebat Bulanan yang akan diterima sepanjang Tempoh Rebat | Ansuran bulanan selepas Rebat semasa Tempoh Rebat |
|---|---|---|
| (a) | (b) = (a) / Tempoh Rebat | (c) = Ansuran Bulanan - (b) |
| RM8,500 x 20% = RM1,700 | RM1,700 / 42 months = RM40*** | RM475 - RM40 = RM435 |

***Rebat Bulanan akan dibundarkan ke bawah kepada RM1 terdekat.

Ilustrasi ansuran bulanan yang perlu dibayar untuk Amaun Kemudahan yang Diluluskan sebanyak RM50,000 untuk tempoh lima (5) tahun dengan Rebat sebanyak 20% yang berkenaan adalah seperti berikut:



Nota: Tempoh Rebat diwakili oleh kawasan yang berwarna biru.

- Pelanggan Memenuhi Syarat yang layak menerima Rebat akan dimaklumkan oleh pihak Bank pada bulan ketiga belas (13) Tempoh Kemudahan, berdasarkan alamat terkini yang diberikan oleh Pelanggan Memenuhi Syarat seperti yang terdapat di dalam rekod Bank.
- Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Rebat bulanan yang dikreditkan ke dalam akaun Kemudahan Pelanggan Memenuhi Syarat semasa Tempoh Rebat seperti yang tertera di Klausula

6 di atas akan dianggap sebagai bayaran pendahuluan atas ansuran bulanan semasa Tempoh Rebat. Sehubungan itu, ansuran bulanan yang perlu dibayar oleh Pelanggan Memenuhi Syarat adalah selepas potongan amaun Rebat bulanan. Pelanggan Memenuhi Syarat boleh menghubungi pihak Bank untuk mendapatkan maklumat mengenai ansuran bulanan yang perlu dibayar semasa Tempoh Kemudahan termasuk Tempoh Rebat. Ia merupakan tanggungjawab Pelanggan Memenuhi Syarat untuk memaklumkan kepada pihak Bank secara bertulis selewat-lewatnya satu (1) bulan dari tarikh akhir ansuran bulanan bulan ketiga belas (13) dan bulan-bulan berikutnya jika tidak menerima Rebat bulanan. Sekiranya gagal berbuat demikian, Pelanggan Memenuhi Syarat akan dianggap telah menerima Rebat bulanan tersebut daripada pihak Bank.

10. Kelayakan Pelanggan Memenuhi Syarat untuk menerima Rebat akan dibatalkan dan bayaran Rebat berikutnya akan diberhentikan segera sekiranya salah satu daripada situasi yang berikut berlaku:
 - (a) Pelanggan Memenuhi Syarat gagal membayar sebarang ansuran bulanan Kemudahan sebelum/pada tarikh akhir atau mana-mana jumlah lain yang dihutang di bawah dan berkaitan dengan Kemudahan apabila diminta oleh pihak Bank; atau
 - (b) Notis penyelesaian awal diberikan oleh Pelanggan Memenuhi Syarat sebelum tarikh matang Tempoh Kemudahan.

UMUM

11. Dengan menyertai Program Rebat ini, Pelanggan Layak dengan ini:
 - (i) mengesahkan bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat oleh T&S yang tertakluk di sini dan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB dan Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i HLISB, mengikut mana yang berkenaan;
 - (ii) mengesahkan bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat oleh [Notis Privasi Bank](#);
 - (iii) bersetuju untuk mengakses Laman Web Bank pada selang masa yang kerap untuk membaca T&S dan mengikuti sebarang perubahan atau variasi kepada T&S;
 - (iv) bersetuju untuk mengemukakan semua dokumen berkaitan sebagaimana yang mungkin diminta oleh Bank tepat pada masanya bagi membolehkan Kemudahan tersebut diluluskan dan dikeluarkan. Kecuali bagi ganti rugi yang timbul secara langsung daripada kemungkiran sengaja dan kecuaiian melampau Bank, Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan dalam, atau ketidakupayaan untuk melaksanakan, kelulusan atau pengeluaran Kemudahan tersebut setakat mana kelewatan atau kegagalan itu disebabkan oleh perkara berikut:
 - (a) kegagalan Peminjam untuk menyediakan sebarang dokumen atau maklumat yang diperlukan, atau pemberian maklumat yang tidak lengkap, tidak tepat atau mengelirukan; atau
 - (b) sebarang keadaan berkaitan dengan Peminjam yang ditentukan secara munasabah oleh Bank boleh menjejaskan keupayaan Peminjam untuk melaksanakan obligasi Peminjam (termasuk perubahan buruk yang ketara dalam kedudukan kewangan Peminjam); atau

- (c) sebarang kejadian di luar kawalan munasabah Bank;
 - (v) bersetuju bahawa keputusan pihak Bank dalam semua perkara berkaitan dengan Program Rebat (termasuk tetapi tidak terhad kepada kelulusan Kemudahan dan/atau amaun Kemudahan diluluskan) adalah konklusif, muktamad dan mengikat atas semua Pelanggan Layak;
 - (vi) bersetuju untuk bertanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, fi kerajaan atau sebarang caj lain yang boleh dikenakan berdasarkan undang-undang yang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Program Rebat; dan
 - (vii) bersetuju bahawa permohonan mereka untuk Kemudahan tertakluk pada kelulusan pihak Bank.
12. Pihak Bank berhak untuk:
- (i) menolak mana-mana permohonan Kemudahan yang tidak layak;
 - (ii) membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Program Rebat ini sebagai akibat ketidakpatuhan kepada T&S yang terdapat di sini; dan
 - (iii) menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terdapat di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Program Rebat ini dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kepada Pelanggan dengan cara memaparkannya di Laman Web Bank, atau menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh pihak Bank.
13. T&S yang terkandung di sini dan [Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB](#) atau [Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i HLISB](#) hendaklah dibaca sebagai perjanjian menyeluruh. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S Program Rebat ini dengan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB atau Pembiayaan Peribadi-i HLISB, T&S spesifik di sini akan diguna pakai setakat percanggahan tersebut.
14. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Program Rebat ini, T&S di Laman Web Bank akan diguna pakai.
15. T&S yang terkandung di sini dikawal selia oleh dan ditafsirkan berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
16. Perkataan yang menggambarkan satu jantina termasuklah semua jantina dan kata-kata lain yang menandakan tunggal termasuk jamak dan sebaliknya.

Ahli PIDM. Deposit/Deposit-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit (rujuk [Produk Layak untuk Perlindungan oleh PIDM](#)).



Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan dengan T&S ini, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami. Sebagai alternatif, sila hubungi pihak Bank melalui e-mel di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau telefon di 03-7626 8899.